

Penjodoh Bilangan

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

lembar	hiris	bidang	naskhah
laras	jambak	kaki	ikat
	orang	baris	

1. Pak Ahmad membaca se_____ majalah di ruang tamu sementara menunggu isterinya menyiapkan juadah tengah hari.
2. Raju mengisi butiran dirinya pada se_____ kertas di meja pendaftaran.
3. Beberapa _____ almari di pusat sumber itu digunakan untuk meletakkan pelbagai jenis bahan bacaan.
4. Encik Lee menanam sayur-sayuran di atas se_____ tanah.
5. Terdapat beberapa _____ meriam lama di atas puncak Kota Melawati.
6. Mak Limah membawa se_____ payung kerana cuaca kelihatan mendung.
7. Suzana mempunyai se_____ abang yang tinggal di Kuala Lumpur.
8. Johan hanya memakan beberapa _____ mangga kerana buah itu amat masam.
9. Mak Senah membeli dua _____ bayam untuk dimasak gulai lemak.
10. Shuhada menempah se_____ bunga untuk majlis hari lahir adiknya